

# Membentuk remaja berperibadi tinggi sangat mencabar

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 4 Mac. - Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengadakan Program Rakan Remaja Penerangan di Dewan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat di acara tersebut ialah Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan Korporat, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Mohammad Sharifuddin bin Haji Mohd. Salleh.

Juga hadir, Pengetua STPRI, Dayang Hajah Susilawati binti Dato Paduka Haji Mohammad; Pemangku Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Rabi'atul Adawiyah binti Haji A.Ahmad; guru-guru serta kakitangan dan penuntut-penuntut STPRI.

Terdahulu acara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu Patriotik 'Bendera Negara' beramai-ramai.

Acara diberkati dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dan diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengetua STPRI.

Dalam ucapan Pengetua STPRI antara lain menjelaskan, cabaran-cabaran pada masa ini menjadikan tugas membentuk seorang remaja berperibadi menjadi suatu yang amat mencabar lebih-lebih lagi dengan pengaruh-pengaruh negatif yang amat mudah didapati melalui teknologi yang ada pada masa ini.

Tambahnya, oleh itu beberapa langkah perlu diambil oleh pelbagai pihak, baik daripada pihak kerajaan juga pihak swasta untuk sama-sama membentuk acuan generasi remaja yang berperibadi tinggi.

Sejurus selepas itu, taklimat bertajuk 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi.

Selepas itu tayangan video 'Kibarkan Bendera Negara dengan Megah', 'Kibarkan Bendera Negara Kitani' dan Tayangan Video Animasi 'Tatacara Mengibarkan Bendera' terbitan Jabatan Penerangan dimainkan.

Program tersebut juga diserikan dengan persembahan nyanyian daripada artis Jabatan Penerangan,

persembahan drama sketsa oleh penuntut-penuntut sekolah bertajuk 'Anak Derhaka' dan klip video sekolah dengan tajuk 'Nilai dan Erti Kemerdekaan'.

Penuntut yang hadir juga dihiburkan dengan lawak jenaka dan kuiz yang disampaikan oleh pelawak-pelawak undangan.

Tujuan program tersebut adalah untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya mereka peka dengan perkembangan semasa; menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja serta menjadikan pelajar sebagai ejen dalam penyebaran maklumat yang positif dan berkesan kepada rakan sebaya.

Program tersebut juga bertujuan untuk memberikan sivik dan semangat kenegaraan terutama kepada golongan remaja ke arah pembentukan minda



**PEMANGKU** Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan Korporat, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Mohammad Sharifuddin bin Haji Mohd Salleh (dua, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Program Rakan Remaja Penerangan di STPRI.

dan moral positif dan dalam masa yang sama, ia adalah untuk mendekati golongan belia dan remaja di sekolah-sekolah melalui seni hiburan yang terarah dan terpinpin.

Semasa Pelita Brunei menemu bual salah seorang penuntut yang menghadiri program berkenaan, Dayang Nur Qamelya binti Mohd.

Raffee, pelajar Tahun II S1, selaku Penolong Ketua Pengawas berpendapat, bendera ini amat penting bagi sebuah negara kerana ia melambangkan kedaulatan sesebuah negara.

Jelasnya, kita wajar menghormati bendera kita kerana ia adalah simbol pada negara.



**GURU-GURU** serta kakitangan dan penuntut-penuntut Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri ketika hadir pada Program Rakan Remaja Penerangan (kanan).

# Peranan perpustakaan dibarigakan



**CERAMAH** 'Kerjaya Seorang Pustakawan' disampaikan oleh Pustakawan Kanan daripada Perpustakaan Islam Brunei, Jabatan Mufti Kerajaan, Pengiran Haji Mohd. Shahminan bin Pengiran Haji Sulaiman dan Pustakawan dari Perpustakaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dayang Amal Syukriyyah binti Haji Abd. Kahar.

Siaran Akhbar dan Foto :

Ihsan Persatuan Perpustakaan Negara Brunei Darussalam

**TEMBURONG,** Sabtu, 4 Mac. - Sesi ceramah 'Kerjaya Seorang Pustakawan' anjuran Persatuan Perpustakaan Negara Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Library Association - BLA) dengan kerjasama Unit Sumber Sekolah, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan telah diadakan di Sekolah Menengah

Sultan Hassan, Pekan Bangar, di sini.

Ceramah yang merupakan sesi akhir itu disertai oleh 10 orang kakitangan, pegawai perpustakaan dan guru-guru yang bertugas di sekolah-sekolah di daerah tersebut.

Kali ini ceramah disampaikan oleh Pustakawan Kanan daripada Perpustakaan Islam Brunei, Jabatan

Mufti Kerajaan, Pengiran Haji Mohd. Shahminan bin Pengiran Haji Sulaiman dan Pustakawan dari Perpustakaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dayang Amal Syukriyyah binti Haji Abd. Kahar.

Selain menghuraikan mengenai tugas dan tanggungjawab sebagai seorang Pustakawan, ceramah juga bertujuan untuk

mengeratkan silaturahim di antara Pustakawan-pustakawan di Negara Brunei Darussalam serta menimba pengetahuan mengenai kefahaman tugas seharian di era yang serba pantas dan moden ini.

Ceramahnya turut membarigakan peranan perpustakaan di dalam dan luar negara seperti mengikuti kursus, mesyuarat, persidangan,

lawatan dan lain-lain.

Sebelum ini ceramah seumpamanya telah diadakan di ketiga-tiga daerah yang lain, iaitu di Sekolah Menengah Sufri Bolkihah, Tutong pada 4 Februari 2017; Sekolah Menengah PAP Hajah Rashidah, Lumut, Belait pada 11 Februari 2017 dan di Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin (SOAS), Brunei Muara pada 2 Mac 2017.



**PARA** Pustakawan Negara Brunei Darussalam bergambar ramai sejurus mendengarkan ceramah 'Kerjaya Seorang Pustakawan' yang diadakan di Sekolah Menengah Sultan Hassan, Pekan Bangar, Temburong.